



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 27 MAC 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4.	CUBAAN SELUDUP MASUK 1,300kg BERAS GAGAL, NASIONAL, BH -19 RAMPAS 1,300kg BERAS PULUT, BERAS SIAM, LOKAL, HM -11 HARGA TELUR TURUN, BERAS MULA TIBA DI PELBAGAI DI LOKASI, NEGARA, KOSMO -8 HARGA BARANGAN ASAS TERKAWAL MENJELANG SAMBUTAN AIDILFITRI, NASIONAL, BH -5	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
5.	DEATHS OF GREEN SEA TURTLES ON THE RISE, NATION, THE STAR -3	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
6. 7. 8. 9.	KEDAH TANGANI ISU KARTEL, TINGKATKAN PENDAPATAN PESAWAH, KEDAH, HAKAKAH -14 SUFFICIENT SUPPLY OF COCONUT FOR AIDILFITRI IN PERLIS, NATIONAL, THE SUN -4 'PRICES OF ESSENTIAL ITEMS UNDER CONTROL', NEWS, NST -3 5GB DATA PERCUMA SEMPENA RAYA PERTAMA, NASIONAL, SH -5	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/3/2025	BERITA HARIAN	NASIONAL	19

Cubaan seludup masuk 1,300kg beras gagal

Rantau Panjang: Pasukan Gerakan Am (PGA) menggagalkan penyeludupan beras Siam selepas merampas hampir 1,300 kilogram (kg) beras pulut dan beras Siam yang diseludup dari Thailand, petang kelmarin.

Rampasan dilakukan menerusi Op Taring Bravo pada jam 5.15 petang di Kampung Baroh Pial selepas menahan sebuah kereta dalam keadaan mencurigakan.

Komander Briged Tenggara PGA, Datuk Nik Ros Azhan Nik Ab Hamid, berkata suspek cuba melarikan diri dengan memecut laju, namun berjaya ditahan.

“Hasil pemeriksaan mendapati ada anggaran 950kg beras pulut cap angsa emas dan 323kg beras cap mango serta serindit ditemui di dalam kenderaan itu.

“Bekalan terbabit dipercayai diseludup masuk dari Thailand melalui pangkalan haram. Pemandu dan penumpang dua orang lelaki tempatan berusia 34 dan 35 tahun ditahan.

“Nilai rampasan hampir RM38,000, termasuk kenderaan. Kes disiasat mengikut Seksyen 20 Akta Kawal Selia Padi dan Beras Negara 1994,” katanya.

Suspek dan barang rampasan dibawa ke IPD Pasir Mas untuk tindakan selanjutnya.

“PGA akan terus mempergiatkan usaha bagi mengekang kegiatan penyeludupan daripada terus berleluasa di sempadan negara,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/3/2025	HARIAN METRO	LOKAL	11

Rampas 1,300kg beras pulut, beras Siam

Rantau Panjang: Sindiket penyeludupan beras Siam berjaya ditumpaskan selepas Pasukan Gerakan Am (PGA) merampas hampir 1,300 kilogram (kg) beras pulut dan beras Siam yang diseludup dari Thailand, petang kelmarin.

Rampasan menerusi Op Taring Bravo itu dilakukan jam 5.15 petang di Kampung Baroh Pial selepas menahan kereta dalam keadaan mencurigakan.

Komander Briged Tenggara PGA, Datuk Nik Ros Azhan Nik Ab Hamid berkata, suspek cuba melarikan diri dengan memecut laju, namun berjaya ditahan.

"Hasil pemeriksaan ke atas suspek mendapati terdapat anggaran 950kg beras pulut cap angsa emas dan 323kg beras cap

mango serta serindit ditemui di dalam kenderaan itu.

"Bekalan terbabit dipercayai diseludup masuk dari Thailand melalui pangkalan haram. Pemandu dan penumpang dua orang lelaki tempatan berusia 34 dan 35 tahun ditahan.

"Anggaran nilai rampasan keseluruhan hampir RM38,000 termasuk kenderaan. Kes disiasat mengikut Seksyen 20 Akta Kawal Selia Padi dan Beras Negara 1994," katanya.

Tambahnya, suspek dan barang rampasan dibawa ke IPD Pasir Mas untuk tindakan selanjutnya.

"PGA akan terus mempergiatkan usaha bagi mengekang kegiatan penyeludupan dari terus berleluasa di sempadan negara," katanya.

Harga telur turun, beras mula tiba di pelbagai lokasi

PUTRAJAYA - Harga barangan asas bagi keperluan sambutan Aidilfitri tahun ini berada dalam keadaan terkawal hasil pemantauan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN) dan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).

Jurucakap Kerajaan Perpadu-

an, Datuk Fahmi Fadzil berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada mesyuarat Kabinet semalam turut merakamkan ucapan tahniah atas usaha dilakukan KPDN dan KPKM.

Katanya, kerajaan juga mendapati ada peranan yang dimainkan oleh pemain industri yang telah memberikan kerjasama pe-

nuh kepada dua kementerian itu.

"Pada masa sama, kita juga lihat beras putih tempatan telah mula sampai ke pelbagai lokasi di seluruh negara dan pihak KPKM secara berterusan telah berusaha mengenal pasti tempat-tempat yang belum memperoleh beras putih tempatan itu.

"Malah ada dalam kalangan

menteri yang menyatakan di setengah tempah harga telur pun turun menjelang Aidilfitri ini," katanya pada sidang akhbar pasca mesyuarat Kabinet semalam.

Katanya, penurunan harga dan bekalan beras itu memberi petanda yang agak positif kepada rakyat bagi mendapatkan beras dan telur pada harga murah.

Beliau juga mencadangkan orang ramai memanfaatkan aplikasi Price Catcher KPDN bagi mengenal pasti lokasi menjual produk barangan asas pada harga berpatutan.

"Kita boleh buat perbandingan harga bagi premis yang berbeza dan produk yang sama," katanya.

27/3/2025

BERITA
HARIAN

NASIONAL

5

Harga barangan asas terkawal menjelang sambutan Aidilfitri

Langkah KPDN, KPKM tunjuk petanda positif hasil usaha Kerajaan MADANI

Oleh **Wahid Iskandar Ibrahim**
binews@bh.com.my

Putrajaya: Harga barangan asas adalah terkawal menjelang sambutan Aidilfitri susulan langkah dilaksanakan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) serta Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).

Jurucakap Kerajaan Perpaduan, Datuk Fahmi Padzil, berkata keadaan itu menunjukkan petanda positif hasil usaha Kerajaan MADANI.

"Mesyuarat Jemaah Menteri pada hari ini (semalam) dilakukan dengan ucapan tahniah Perdana Menteri (Datuk Seri Anwar Ibrahim) kepada KPDN dan KPKM, atas kejayaan memastikan perkara berkaitan penawaran harga barangan asas, terutama menjelang sambutan Aidilfitri adalah terkawal.

"Kita juga melihat ada peranan dimainkan oleh pemain industri yang memberi kerjasama kepada KPDN serta KPKM (dalam memastikan harga barangan asas

terkawal)," katanya pada sidang media pascamesyuarat Kabinet, di sini, semalam.

Fahmi yang juga Menteri Komunikasi berkata, selain harga barangan asas terkawal, bekalan beras putih tempatan pula sudah mula diagihkan ke pelbagai lokasi.

Katanya, KPKM kini sedang giat secara berterusan untuk menganalisis lokasi yang masih belum memperoleh bekalan terbabit.

"Malah ada dalam kalangan menteri yang menyatakan di seketengah tempat harga telur pun turun menjelang Aidilfitri.

"Jadi ini adalah petanda yang agak positif untuk orang ramai," katanya.

Manfaat bagi pelanggan

Justeru, Fahmi menyayorkan orang ramai supaya memanfaatkan aplikasi *Price Catcher* untuk mengenal pasti lokasi yang menjual produk serta barangan asas pada harga berpatutan.

"Kita boleh buat perbandingan harga bagi premis yang berbeza, produk sama. Jadi memanfaatkan aplikasi ini," katanya.

Sementara itu, Fahmi berkata, Perdana Menteri menyatakan kepeda Jemaah Menteri bahawa Bantuan Khas Kewangan (BKK) 2025 berjumlah RM500, termasuk kenaikan gaji melalui Sistem Saran Perkhidmatan Awam (SSPA) dimiknati penjawat awam membabitkan jumlah yang signifikan.



Fahmi pada sidang media pascamesyuarat Kabinet di Kementerian Komunikasi, Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)

Katanya, walaupun membabitkan jumlah yang besar, perkara itu berjaya dilaksanakan Kerajaan MADANI.

"Baru-baru ini, Perdana Menteri juga mengumumkan BKK Aidilfitri buat pejabat awam sebanyak RM500 bagi Gred 56 ke ba-

wah dan RM250 kepada semua pesara kerajaan, termasuk veteran berpencahan serta tidak berpencahan dan juga guru Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) dan BKK Aidilfitri berjumlah RM500 kepada 14,000 penjawat awam di Perenggan.

"Ini antara usaha kerajaan untuk memastikan rakyat terus menerima bantuan dan insya-Allah kita harap ia akan mencerminkan terutamanya menjelang Aidilfitri bagi rakyat Malaysia, terutama dalam kalangan penjawat awam," katanya.

Deaths of green sea turtles on the rise

KUALA TERENGGANU: Despite 2025 being in its early months, the rising number of green sea turtle deaths in Terengganu has reached an alarming level with the state Fisheries Department recording 20 such cases since January.

Despite ongoing conservation efforts to protect marine life, the rising death toll tells a different story, with nine cases recorded in March, compared to five in February and six in January.

The sharp rise in fatalities – predominantly among male turtles – signals an escalating threat.

According to media reports on March 15, three male green sea turtle carcasses were discovered stranded along Pantai Chakar Hutan in less than 31 hours.

One of them showed wounds suspected to be caused by entanglement in a fisherman's stingray net.

This situation marks a stark contrast to the previous year, when only five turtle deaths were recorded over five months.

According to Wan Zuriana Wan Sulaiman, who is the turtle conservation project manager at the Marine Conservation and Research Organisation Malaysia (Pulihara) at Pantai Chakar Hutan, Kemaman, the dwindling number of male turtles is a serious concern, as it poses a significant risk to the species' survival.

This situation hampers the fertilisation process among females. While they may still come ashore to lay eggs, the absence of viable males results in undeveloped eggs which cannot hatch.

Wan Zuriana cited the leatherback turtles in Rantau Abang, Dungun, which were declared functionally extinct in 2008, due to a lack of mature male turtles returning for mating.

Although leatherback turtles still exist in other areas, they do



Domino effect: Baby green sea turtles making their way to the water. Wan Zuriana (inset) stressed that the loss of these turtles could ultimately impact the nation's food security.

which poses a significant threat to fish growth and reproduction. This imbalance could ultimately impact the nation's food security.

"The increase in jellyfish could negatively impact the country's tourism industry, particularly in island destinations which might be forced to close temporarily.

"For instance, the recent discovery of the Portuguese Man O' War jellyfish on several islands in Terengganu presents a potential fatal risk," she said.

Determined to prevent Pantai Chakar Hutan from suffering the same fate as Rantau Abang, Pulihara is committed to ensuring the survival of marine turtles.

One of its key efforts involves regular patrols along the 1.4km coastline.

"According to Wan Zuriana,

these patrols help locate female turtles which come ashore to lay eggs, allowing conservationists to safely transfer the eggs to hatcheries.

Additionally, Pulihara conducts outdoor education programmes to raise awareness among school students and local communities.

This initiative is crucial, as awareness of turtle conservation remains low within the community.

"Many people still do not understand the significance of protecting turtles, or the dire consequences of their extinction. Through this programme, we highlight the urgent need to halt the sale and consumption of turtles and their eggs, as these practices are accelerating their decline," she explained.

— <https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/08/15/green-sea-turtle-deaths-on-the-rise>

Kedah tangani isu kartel, tingkatkan pendapatan pesawah

ALOR SETAR: Kerajaan Negeri Kedah bertekad membantu pesawah di negeri ini keluar daripada belenggu isu kartel serta meningkatkan pendapatan mereka menerusi inisiatif pengeluaran varieti benih padi tempatan.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Perladangan dan Pengangkutan, Dzowahir Ab Ghani, berkata usaha tersebut diharapkan dapat mengatasi masalah kartel yang memanipulasi bekalan benih padi, yang selama ini memberi kesan kepada para pesawah di negeri ini.

"Selain memastikan bekalan benih padi yang berkualiti, kita juga mahu membantu pesawah yang terpaksa membeli benih padi pada harga yang lebih tinggi daripada harga kawalan kerajaan," katanya.

Tambah beliau, rata-rata pesawah kini sanggup menggunakan benih padi keluaran negeri Kedah jika ia dapat menyelesaikan masalah yang mereka hadapi, terutama sekali berkaitan dengan kualiti benih yang digunakan.

"Benih padi yang ada sekarang ini tidak berkualiti, menyebabkan padi yang dihasilkan rendah mutunya. Para pesawah tertekan kerana terpaksa membayar harga yang tinggi untuk benih yang tidak memberi hasil yang memuaskan.

"Kerajaan negeri serius membantu pesawah untuk meningkatkan hasil mereka," jelas Dzowahir lagi.

Menurutnya, varieti benih padi yang sedang dibangunkan oleh kerajaan negeri dijangka akan digunakan oleh pesawah di Kedah pada musim penanaman padi yang akan datang.

"Namun, benih ini masih dalam peringkat kajian dan dijangka akan dilancarkan pada penghujung tahun 2026," ujarnya.

Beliau menyatakan, satu tapak kajian seluas 20.2 hektar di Tobiar, Pendang telah dipilih untuk menguji varieti padi yang berpotensi.

"Kajian tersebut dilakukan dengan kerjasama Uni-

versiti Pertanian Malaysia (UPM), Universiti Teknologi MARA (UiTM), dan Agensi Nuklear Malaysia.

"Kajian menyeluruh ini dijalankan untuk memastikan varieti padi yang dikeluarkan bukan sahaja lebih baik dan berdaya saing, tetapi juga sesuai dengan tanah sawah di Kedah," tambahnya..

"Inisiatif ini bukan hanya bertujuan untuk meningkatkan pendapatan pesawah, tetapi juga untuk membantu menurunkan harga beras di pasaran. Ia dilihat sebagai satu usaha penting bagi mengatasi kekurangan bekalan beras tempatan yang berlaku ketika ini.



Dzowahir Ab Ghani

"Purata pendapatan pesawah di negeri ini tidak melebihi RM500 sebulan. Mereka bukan sahaja miskin, malah tergolong dalam kategori miskin tegar. Mereka bekerja keras di bawah terik matahari setiap hari untuk memastikan bekalan beras cukup, namun pendapatan mereka jauh daripada apa yang sepatutnya," kata Dzowahir.

Menteri Besar Kedah, Dato' Seri Muhammad Sanusi Md Nor, sebelum ini turut mengumumkan perkara yang sama dalam satu sidang media, menegaskan bahawa kerajaan negeri serius untuk membantu pesawah meningkatkan taraf hidup mereka.

Dengan usaha ini, diharapkan para pesawah di Kedah akan dapat menikmati hasil yang lebih baik dan mampu meningkatkan kualiti hidup mereka, sementara rakyat pula dapat membeli beras dengan harga yang lebih berpatutan.

Sufficient supply of coconuts for Aidilfitri in Perlis

KANGAR: The Perlis Domestic Trade and Cost of Living Ministry has issued an assurance that there will be a sufficient supply of coconuts in the state throughout the Aidilfitri festive season.

Its director Rohaida Hassan said the issue of coconut supply in Perlis only arose during the first week of Ramadan but has since stabilised after wholesalers secured stock from Indonesia, as well as Sabah and Sarawak.

"There will be enough coconuts for this Raya, ensuring a steady supply of *santan* (fresh coconut milk) at a price not exceeding RM20 per kg.

"Currently, the price of *santan* is between RM17 and RM17.50 per kg in Perlis and we will monitor this to ensure it does not increase," she said.

She was speaking after a walkabout session held in conjunction with the launch of the state-level Festive Season Maximum Price Control Scheme for Hari Raya at Pasar Besar Sena yesterday.

She said *santan* is among the 26 items listed under the scheme, with the maximum retail price capped at RM17.50 per kg from March 24 to April 7.

Rohaida added that 37 enforcement officers in Perlis would monitor prices throughout the festive season.

Consumers are encouraged to lodge complaints with the ministry if traders fail to comply with the pricing scheme, so immediate action can be taken.

On the walkabout, she said traders at Pasar Besar Sena were found to be in full compliance with the price controls and labelling requirements, with some even selling goods below the maximum price set.

— Bernama

'Prices of essential items under control'

PUTRAJAYA: The prices of essential items for Aidilfitri remain under control, said Communications Minister Datuk Fahmi Fadzil.

He said that local white rice had started reaching various locations, while the price of eggs had decreased in some areas.

"The Domestic Trade and Cost of Living Ministry, and the Agriculture and Food Security Ministry have ensured the stability of essential goods' prices ahead of Aidilfitri.

"This achievement was praised by Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim during the cabinet meeting," he said at his weekly

press conference.

Fahmi said the prices of necessities remained stable, with industry players playing a significant role by cooperating with both ministries.

"Local white rice is reaching more locations, and the Agriculture and Food Security Ministry continues to address areas facing supply shortages.

"During the meeting, some ministers noted that egg prices have decreased in certain areas."

He added the public was encouraged to use the PriceCatcher app, which allowed users to compare prices of essential goods in different locations.



Egg prices have dropped in some areas, says the government. NSTP PIC BY MUHAMMAD NAJMI NORAZAM

27/3/2025

SINAR
HARIAN

NASIONAL

5

5GB data percuma sempena raya pertama

PUTRAJAYA - Semua rakyat Malaysia bakal menikmati tambahan kuota data minimum lima gigabit (GB) pada Hari Raya Aidilfitri pertama.

Jurucakap Kerajaan, Datuk Fahmi Fadzil berkata, ia berikutan kerajaan menerusi Kementerian Komunikasi melaksanakan pemberian Insentif Rebat Rahmah dengan kerjasama strategik penyedia perkhidmatan telekomunikasi.

"Tambahan kuota data itu sah bagi tempoh minimum 24 jam, tertakluk kepada terma dan syarat penawaran syarikat penyedia perkhidmatan telekomunikasi yang terlibat," katanya menerusi sidang akhbar mingguan pasca Kabinet di sini pada Rabu.

Ujarnya, syarikat yang terlibat adalah

CelcomDigi, Maxis, U Mobile, TM Tech, YTL Communications, Pavo Comms, Tune Talk, redONE, REDtone dan XOX Com.

"Pemberian insentif bersempena hari raya ini diharapkan dapat membantu mengeratkan silaturahim terutama menerusi komunikasi dalam talian di samping memeriahkan sambutan Aidilfitri," jelas Fahmi.

Ditanya jumlah kos bagi pelaksanaan insentif berkenaan, Fahmi berkata, Insentif Rebat Rahmah yang kali pertama diusahakan Kementerian Komunikasi itu ditanggung sepenuhnya oleh semua penyedia perkhidmatan telekomunikasi terbabit.

"Tak... subsidi dan ia (insentif) bukan ditanggung kerajaan," katanya sambil me-

nambah jumlah akaun telekomunikasi yang berdaftar di Malaysia ialah sekitar 45 juta.

Maklumat lanjut mengenai Insentif Rebat Rahmah Aidilfitri itu akan diumumkan oleh syarikat penyedia perkhidmatan telekomunikasi.

Dalam pada itu, Fahmi berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengucapkan tahniah kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) di atas kejayaan memastikan perkara berkaitan pengawalan harga barang asas, terutama sepanjang tempoh menjelang Aidilfitri terkawal.

Tambahnya, beberapa petanda positif telah diperoleh hasil daripada inisiatif yang dilaksanakan kedua-dua Kementerian berkenaan selain peranan yang dimainkan pihak industri.



FAHMI FADZIL